



UiTM@Media **2016**



Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

Bimbing anak melalui akhlak baik

Oleh **Hariyati Ariffir**



Seringkali jika anak melakukan kesilapan dan menyalahi undang undang, ibu bapa orang pertama yang disalahkan. Ada yang berpendapat tidak adil jika ibu bapa dipersalahkan atas kesilapan anak. Namun, tidak dinafikan ibu bapa guru pertama anak dan rumah adalah sekolah terawal bagi mereka. Malah, dari sudut sosiologi, ibu bapa adalah ejen sosialisasi yang utama bagi anak untuk mengenal kehidupan dan mencorakkan peribadi mereka.

Mendidik anak tanggungjawab besar ibu bapa yang diamanahkan oleh Allah dan jika ibu bapa gagal memberi didikan sempurna dari rumah, persekitaran dan rakan sebaya akan mencorakkan sikap anak. Tidak hairan pepatah Melayu banyak menyebut mengenai didikan anak bermula di rumah umpamanya 'Melentur buluh biar dari rebung', 'Bagaimana acuan begitulah kuihnya' dan 'Kepimpinan melalui Teladan.'

Semua ini menekankan mengenai kepentingan didikan daripada ibu bapa yang juga guru pertama anak.

Islam juga berpesan bahawa "anak ibarat kain putih, ibu bapa lah yang mencorakkan mereka".

Berdasarkan hadis Rasulullah, pendidikan anak sangat penting dan menjadi tanggungjawab besar Ibu bapa sendiri dan ia seharusnya tidak diletakkan di bahu orang lain seperti datuk dan nenek, pengasuh, sekolah dan lain lain. Begitulah pentingnya ibu bapa dalam membentuk akhlak dan sikap anak.

Sejak kebelakangan ini banyak dibahaskan mengenai sikap remaja yang dikatakan kurang beradab dan budi bahasa. Malah, ada anak-anak kecil yang berusia lima hingga 12 tahun mempamerkan perlakuan dan sikap yang kurang nilai murni. Dalam satu pemerhatian rambang yang dilakukan oleh penulis, anak ini menggunakan bahasa yang kurang baik dengan ibu bapa mereka, tetapi ibu bapa tidak menegur perbuatan anak mereka. Bahasa yang digunakan mungkin tidak baik di halua telinga orang lain, tapi bagi keluarga berkenaan itu mungkin bahasa biasa buat mereka.

Ada juga anak yang nakal mengganggu ketenteraman orang di kedai makan juga tidak ditegur oleh ibu bapa mereka. Lebih malang lagi anak ini dibiarkan berkeliaran di sekitar kedai makan sedangkan ibu bapa leka melayan telefon pintar. Pernah berlaku kerana si ibu terlalu leka melayan telefon pintar, anak kecil berusia 3 tahun jatuh di dalam longkang berdekatan tidak disedarinya. Sehingga beberapa orang di kedai bertanya anak siapa yang jatuh, baru si ibu perasan.

Sikap ibu bapa contoh terbaik untuk dijadikan panduan. Ada kalanya ibu bapa yang panas baran akan mempamerkan sikap kurang baik di hadapan anak, mereka akan menggunakan perkataan yang kurang manis dan perlakuan yang tidak baik.

Jika ibu bapa memperlihatkan akhlak yang baik dan sentiasa bersabar dalam menangani masalah serta apa juga yang berlaku,

anak akan mencontohi perbuatan baik berkenaan. Namun, jika sebaliknya ia juga akan menjadi ikutan anak.

Seperti kata pepatah "bagaimana acuan begitu kuihnya".

Justeru sifat buruk ibu bapa seperti panas baran, suka memaki hamun, kedekut, tidak berperikemanusiaan, suka bergaduh manakala sikap baik hati, lemah lembut, sentiasa membantu orang lain, pemaaf dan boleh bertolak ansur adalah cerminan buat anak. Ini kerana anak terutama yang berusia antara tiga hingga 12 tahun, mudah menerima perbuatan atau perkataan yang mereka dengar dan lihat.

Jika sejak kecil mereka didedahkan dengan kehidupan yang baik dan positif mereka akan membentuk peribadi yang baik.

Akhir sekali, mendidik anak perlu dilakukan oleh ibu bapa dan bukan hanya ibu atau bapa seorang. Apa yang berlaku masa kini, ada pasangan yang tidak mahu sama-sama mendidik anak dan melepaskan tanggungjawab pada satu pihak sahaja iaitu, isteri atau suami. Perlu diingat bahawa ibu dan ayah punya peranan tersendiri dalam pembentukan peribadi dan sikap anak. Jika salah satu sudah tidak berfungsi atau enggan menjalankan tanggungjawab maka anak akan membesar dalam situasi yang tidak lengkap dan tidak seimbang dari segi emosi dan psikologi.

**Penulis Penulis Pensyarah
Kanan Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media UiTM**

**BERSAMBUNG
DI SEBELAH**

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

